

'Rasuah lebih teruk daripada arak'

PUTRAJAYA 30 April - Tolak rasuah untuk majukan negara. Itu mesej Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada lebih 1,000 pegawai tinggi kerajaan yang menghadiri Majlis Perjumpaan Pegawai-pegawai Kerajaan Bersama Perdana Menteri, di Dewan Seri Endon, Puspanitapuri, di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, semua pentadbir kerajaan perlu berikrar untuk tidak terlibat rasuah sekiranya mereka sayangkan negara dan mahu negara dihormati dunia.

Beliau secara sinis berkata, ramai tidak minum arak kerana menganggapnya haram disebabkan pegangan agama yang kuat, tetapi tidak rasuah sedangkan boleh merosakkan negara.

"Sekarang lebih warak, ramai ada tanda di dahi kerana tidak tinggal solat, tetapi apabila duit datang terima juga. Kalau arak haram, rasuah itu sama bahkan lebih lagi kerana merosakkan negara. Kerana itu kena hapuskan rasuah.

"Kalau dapat hapuskan rasuah, pentadbiran negara begitu licin. Pembangunan negara bergantung

"Kalau dapat hapuskan rasuah, pentadbiran negara begitu licin. Pembangunan negara bergantung kepada pegawai kerajaan. Kalau terlibat rasuah tugas tidak dijalankan dengan baik. Sebab itu anggap rasuah haram sama dengan minum arak."

DR. MAHATHIR MOHAMAD

kepada pegawai kerajaan. Kalau terlibat rasuah tugas tidak dijalankan dengan baik. Sebab itu anggap rasuah haram sama dengan minum arak," katanya.

Yang turut hadir, Ketua Setia-

usaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar.


Perdana Menteri berkata, kerajaan Pakatan Harapan akan meneruskan agenda membanteras rasuah meskipun sokongan kepada kerajaan merosot.

Ini kerana, katanya, ramai pegawai yang terlibat rasuah di dalam kerajaan terdahulu berasa marah dan kecewa apabila tidak lagi mendapat pendapatan sampingan daripada perlakuan tersebut.

"Mereka kecewa dan merasakan kerajaan kleptokrasi lebih baik daripada kerajaan demokrasi, sebab itu sokongan kepada kerajaan merosot termasuk kepada saya. Tetapi usaha bersihkan rasuah akan diteruskan kerana rasuah hancurkan negara," katanya.

Beliau turut mengingatkan pegawai kerajaan supaya memberikan taat setia kepada kerajaan yang memerintah.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahwa kerajaan PH juga boleh menjadi kerajaan kleptokrasi atau penyangak seperti kerajaan terdahulu sekiranya tidak berjaga-jaga.



PEGAWAI kerajaan berswafoto bersama Dr. Mahathir Mohamad dalam Majlis Perjumpaan Pegawai-pegawai Kerajaan Bersama Perdana Menteri di Putrajaya semalam. - BERNAMA